



**KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

**PROGRAM PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN
DAN KIBAR JALUR GEMILANG
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2020**

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**PADA 28 JULAI 2020 (SELASA)
BERTEMPAT DI
BILIK DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat Petang

YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, rasa syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT yang telah dengan Izin Rahmat dan Kurnianya memungkinkan kita bertemu kembali sempena Program Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2020.
2. Sepertimana yang kita sedia maklum, negara kita sedang menghadapi situasi ekonomi yang agak mencabar pada waktu ini akibat penularan wabak COVID-19. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua jenis perniagaan menghadapi pelbagai cabaran.

Penutupan ekonomi selama dua bulan telah menyebabkan perniagaan menghadapi masalah aliran tunai termasuk untuk membayar gaji pekerja dan sewa premis. Namun begitu bagi menangani situasi ini, Kerajaan telah memperkenalkan pakej-pakej rangsangan ekonomi, termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN (Perusahaan Kecil Dan Sederhana) PKS Tambahan berjumlah RM260 bilion.

3. Dalam pada kita sedang mengharungi krisis COVID-19 ini, kita juga bakal menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos akan datang. Ini adalah pertama kalinya kita akan menyambut Hari Kebangsaan dalam norma baharu dengan mematuhi setiap SOP yang telah ditetapkan.
4. Pelbagai program telah diatur sepanjang Bulan Kebangsaan tahun ini. Empat aktiviti utama yang akan diadakan iaitu Sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara yang akan bermula pada 9 Julai hingga 16 September 2020, Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang pada 28 Julai 2020 di Putrajaya, Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2020 di Kuala Lumpur, dan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2020 di Sibu, Sarawak.
5. Disamping itu, pelbagai program dan pertandingan kenegaraan turut diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara, serta memberi peluang penyertaan kepada semua lapisan masyarakat. Antaranya adalah Info On Wheels Merdeka (IOW Merdeka), Merdeka@Komuniti, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Sayembara Puisi Merdeka, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan dan Pertandingan Fotografi KLIK@Merdeka. Program-program ini bermula pada 16 Julai hingga 16 September 2020.

6. Program-program tersebut semuanya akan dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan diharapkan semua program dan aktiviti tersebut dapat menjadi platform memupuk dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Kerja Raya.

Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 ‘Malaysia Prihatin’

7. Tema sambutan tahun ini adalah ‘Malaysia Prihatin’. ‘Malaysia’ membawa pengertian bahawa seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID-19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan, manakala ‘Prihatin’ mewakili keprihatinan Kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif PRIHATIN yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.
8. Tema tersebut adalah bertepatan dengan situasi yang sedang kita hadapi pada ketika ini dan ia dipilih bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia mengharungi cabaran dan dugaan COVID-19.


PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Akhir kata, sambutan Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi tahun

2020 ini diharap dapat menaikkan semangat sayang akan negara dalam kalangan warga Kerja Raya sewaktu kita sedang berdepan dengan wabak COVID-19.

10. Saya berharap agar warga Kementerian dan Agensi untuk menyahut seruan Kerajaan ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh tertib, penuh rasa bangga dan dengan penuh rasa hormat. Saya juga berdoa agar kita secara keseluruhannya akan berjaya mengatasi krisis COVID-19 ini.

11. Dengan lafaz  saya merasmikan Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2020.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.